



Rapid Rail Sdn Bhd 200401022254 (660759-D)

Kompleks Rapid Rail Subang,

No.1, Jalan PJU 1A/46 Off Jalan Lapangan Terbang Subang, 47301 Petaling Jaya, Selangor.

Tel : 03-7650 7788 Fax : 03-7886 1642 Website : www.myrapid.com.my



KENYATAAN MEDIA

PERKHIDMATAN LRT LALUAN KELANA JAYA TERJEJAS AKIBAT TREN TERKANDAS DI STESEN TAMAN JAYA

KUALA LUMPUR, 10 Mei – Susulan perkhidmatan LRT Laluan Kelana Jaya yang terjejas pada pagi tadi, pihak Rapid Rail Sdn Bhd memaklumkan bahawa ia disebabkan oleh tren bernombor 39 yang terkandas di Stesen LRT Taman Jaya akibat masalah sistem brek.

Kejadian yang dilaporkan berlaku pada jam 8.16 pagi telah menyebabkan hanya satu sahaja landasan boleh digunakan di antara Stesen LRT Taman Bahagia sehingga Stesen LRT Taman Jaya.

Pihak operasi kemudiannya mengaktifkan pelan perkhidmatan alternatif di mana penumpang dari arah Gombak dan Putra Heights perlu turun di Stesen LRT Asia Jaya dan mendapatkan tren yang berikutnya bagi meneruskan perjalanan.

“Kami ingin memohon maaf kepada semua pengguna yang telah mengalami kelewatan dan kesulitan untuk menuju destinasi khususnya ke tempat kerja pada pagi tadi. Siasatan akan dijalankan bagi mengenal pasti punca kerosakan tren. Ini bagi memastikan kejadian seumpama ini dapat dielakkan di masa hadapan,” kata Ketua Pegawai Eksekutif Rapid Rail Sdn Bhd, En Amir Hamdan.

Pengumuman mengenai kelewatan perkhidmatan tren turut dibuat di stesen dan di dalam tren. Kakitangan operasi ditempatkan di platform Stesen LRT Asia Jaya bagi membantu penumpang mendapatkan tren sambungan.

“Buat masa ini kerja-kerja mengalihkan tren yang terkandas sedang giat dijalankan oleh jurutera Rapid Rail. Proses menunda keluar tren dijangka selesai pada jam 2 petang dan perkhidmatan akan dipulihkan ke frekuensi normal selepas itu,” ujar Amir.

Pengguna diminta untuk mendapatkan informasi terkini mengenai perkhidmatan LRT Laluan Kelana Jaya menerusi platform media sosial Rapid KL. Sebarang status akan dikemaskini secara terus untuk memudahkan penumpang merancang perjalanan.

TAMAT

Dikeluarkan oleh Rapid Rail Sdn Bhd, sebarang pertanyaan media sila hubungi pegawai komunikasi Rapid Rail Sdn Bhd

1. En Mohd Sofian Hilmi, 019-4601110